

07 OCT 1999

Razaleigh-politik

PAS PENTINGKAN DAP, KATA TENGGU RAZALEIGH

KOTA BAHARU, 7 Okt (Bernama) -- Kesanggupan PAS menggugurkan slogan negara Islam daripada manifesto pembangkang menunjukkan pemimpin-pemimpinnya berjuang bagi kepentingan peribadi serta sanggup bersekongkol dengan DAP, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah.

Katanya pemimpin PAS kini lebih mementingkan pakatan dengan DAP bagi mencapai matlamat politik masing-masing sehingga sanggup melupakan perjuangan asas parti itu untuk memartabatkan Islam.

"Saya nak tanya orang PAS apakah mereka setuju dengan apa yang diputuskan oleh pemimpin-pemimpin mereka untuk menggugurkan sebuah negara Islam hanya kerana nak berpakat dengan DAP," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang semalam berkata PAS serta pakatan parti pembangkang lain termasuk Parti Keadilan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia bersetuju untuk tidak memasukkan slogan penubuhan sebuah negara Islam dalam manifesto pakatan pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Tengku Razaleigh berkata langkah terbaru PAS itu membuktikan pemimpinnya sanggup mengubah pendirian serta lebih rela menjadi boneka DAP.

"Adakah DAP lebih penting daripada perjuangan Islam? Apakah suara yang dikatakan oleh PAS selama ini boleh dipakai lagi? Apakah PAS berbohong kepada ahlinya dan rakyat negara ini dengan berjanji untuk menubuhkan sebuah negara Islam?" katanya.

Tengku Razaleigh yakin penyokong PAS khususnya rakyat Kelantan kecewa dengan perkembangan terbaru itu kerana ia membabitkan perjuangan PAS yang sebelum ini mendakwa mengamalkan kepimpinan secara ulama.

Beliau juga berkata pembangkang semakin kekurangan isu dan terdesak sehingga cuba memburuk-burukkan kerajaan dengan dakwaan kononnya bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim diracun semasa dalam tahanan.

Tengku Razaleigh menyifatkan sebagai keterlaluan tindakan pembangkang memburuk-burukkan kerajaan termasuk menggunakan mahkamah sebagai forum untuk menonjolkan kepentingan politik perjuangan masing-masing.

"Sesiapa yang bertindak secara tidak bertanggungjawab mesti menghadapi risikonya," katanya.

Tengku Razaleigh turut mencabar parti pembangkang untuk menyelesaikan masalah politik sekarang melalui proses demokrasi iaitu pilihan raya umum.

Beliau juga berkata kesemua parti pembangkang kini menjadikan kes Anwar sebagai bahan kempen utama untuk meraih simpati daripada rakyat untuk menyokong perjuangan mereka setelah kerajaan Barisan Nasional bertindak cekap mengatasi krisis ekonomi negara.

"Pembangkang tetap akan cuba mengeluarkan pelbagai isu sedaya upaya mereka kerana kalau orang itu dah biasa dengan drama, dia akan timbulkan drama, dan mereka ini akan guna apa sahaja bagi kepentingan politiknya," katanya.

Tengku Razaleigh juga bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa senario sekarang amat baik bagi pilihan raya umum diadakan.

"Keadaan bertambah baik, ekonomi pun makin pulih manakala Umno pula semakin bersatu padu, saya rasa keadaan baik dan sesuai untuk diadakan pilihan raya," katanya.

-- BERNAMA  
RAR MAI